

# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

**TIADA KELULUSAN MITI: 2 TAPAK PROJEK DI SABAH DITUTUP,**

**KELULUSAN MITI DITARIK BALIK UNTUK 2 PROJEK DI JOHOR**

23 Jun 2021

## **PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: SABAH**

Satu Operasi Penguatkuasaan PKP 3.0 CIDB Negeri Sabah telah dillakukan di sekitar negeri Sabah.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 8 tapak :

- 6 tapak tidak beroperasi
- 2 tapak tidak patuh SOP

Kedua-dua tapak (Beaufort dan Kinabatangan) telah diarahkan untuk menghentikan operasi serta merta oleh Penguatkuasa CIDB Sabah kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan dan lain-lain kesalahan seperti berikut:

- Beroperasi tanpa kelulusan MITI.
- Perakuan pendaftaran telah tamat tempoh (Seksyen 25 Akta CIDB)
- Kerja yang dijalankan bukan kritikal, dan siasatan mendapat gagal membuktikan kelulusan MITI
- Rumah penginapan pekerja yang disediakan tiada kelulusan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Gagal mematuhi SOP KKM

- Gagal isytihar projek kepada CIDB Malaysia

**Tindakan:** Notis Pemberhentian kerja N3E/2021 dan Notis Gagal Mematuhi SOP Kerja Pembinaan Semasa PKP N3B/2015 dikeluarkan.

## **PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: JOHOR BAHRU**

Satu Operasi Penguatkuasaan PKP 3.0 CIDB Negeri Johor telah dillakukan di sekitar Daerah Johor Bahru.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 16 tapak :

- 7 tapak tidak beroperasi
- 9 tapak beroperasi tetapi **2 tapak tidak patuh SOP**

Kedua-dua tapak bina yang menjalankan projek pembinaan untuk bangunan komersil 7 tingkat didapati tidak patuh SOP telah diarahkan untuk menghentikan operasi dengan serta merta oleh pasukan Penguatkuasaan CIDB Johor kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan dan lain-lain kesalahan seperti berikut:

- Rumah penginapan pekerja yang disediakan tiada kelulusan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

**Tindakan:** Notis tutup tapak N3E/2021 dikeluarkan kepada Kontraktor Utama (Main Contractor) dan kelulusan MITI ditarik balik kerana projek tidak memenuhi syarat beroperasi PKP Penuh apabila penginapan pekerja yang disediakan didapati tiada kelulusan JTK dan PBT.

## **LATAR BELAKANG**

Sebanyak 153 tapak pembinaan diarah tutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak 1 Jun lalu, berikutan kegagalan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19.

Sejak PKP 3.0 dilaksanakan, sebanyak 2,678 tapak pembinaan telah diperiksa oleh CIDB. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 511 (19%) tapak pembinaan didapati beroperasi, manakala sebanyak 2,167 (81%) tidak beroperasi.

Daripada 511 tapak yang beroperasi didapati 153 tapak pembinaan (30%) tidak mematuhi SOP, manakala 358 (70%) tapak lagi mematuhi SOP. Kesemua 153 tapak pembinaan tidak mematuhi SOP berkenaan telah diarah tutup serta merta. Bagaimanapun 11 daripada tapak pembinaan yang diarah tutup telah pun dibenarkan dibuka semula, selepas mereka mematuhi SOP yang ditetapkan.

Daripada 153 tapak pembinaan yang ditutup sebanyak 48 terletak di Sarawak, di Selangor (29 tapak pembinaan), Melaka (14), Pulau Pinang (10), Terengganu (6), Sabah (10), Johor (7), Kuala Lumpur (5), Pahang (6), Perak (6), Kedah (3), Negeri Sembilan (5), Perlis (3) dan Kelantan (1).

Manakala 11 yang dibuka semula selepas didapati mematuhi SOP terletak di negeri Terengganu (4), Melaka (3), Johor (2), Kuala Lumpur (1) dan Kedah (1).

## **PERINGATAN**

Penggiat industri pembinaan perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP 3.0** terkini yang boleh dimuat turun dari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my). CIDB boleh menutup tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990), boleh dibawa ke prosiding tindakan tatatertib kontraktor. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah penalti tidak melebihi RM500,000.00 dan/atau penggantungan dan/atau pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

####



## Penguatkuasaan Beaufort, Sabah



## Penguatkuasaan Kinabatangan, Sabah



Kinabatangan, Sabah

